

08 JUN 2001

SEMINAR MENGENAI KESAN GLOBALISASI TERHADAP DUNIA ISLAM

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Kementerian Luar dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar akan menganjurkan satu seminar antarabangsa bertajuk "Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam: Isu-isu dan Cabaran pada Abad ke-21" di sini mulai Isnin ini.

Seminar itu, yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan diadakan di Hotel Renaissance mulai 11 hingga 13 Jun.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, seminar itu akan disertai ahli akademik, wakil media dan badan bukan kerajaan dari 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Seminar itu akan membincangkan tentang cabaran globalisasi terhadap negara membangun secara umum dan negara Islam khususnya.

"Cabaran-cabaran ini merangkumi semua aspek dari aktiviti kecil hingga ke soal ekonomi, kewangan, sosial, politik, kebudayaan, sumber manusia, sains dan teknologi serta alam sekitar," kata kenyataan itu.

Wisma Putra berharap seminar itu akan melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengunjurkan satu kedudukan bersatu di Selatan secara umumnya dan dunia Islam khususnya.

Sejumlah 21 kertas kerja akan dibentangkan oleh para pakar asing dan tempatan mengenai pelbagai topik merangkumi pandangan mengenai globalisasi hingga ke proses Pertubuhan Perdagangan Dunia.

-- BERNAMA

SR ES NAK